# Lebih bersedia, kekal berwaspada.

Amalkan langkah keselamatan elektrik pada musim banjir
demi kesejahteraan diri dan orang tersayang.




## SEMASA BANJIR






Elak penggunaan alat elektrik dan pastikan suis utama dimatikan bagi mengelakkan renjatan.





Jika paras air semakin meningkat, hubungi TNB CareLine di talian 15454 atau melalui Facebook TNB CareLine untuk tindakan pemutusan bekalan elektrik.



Jauhi peralatan atau kabel elektrik yang terendam walaupun bersalut penebat.



Jauhi tiang besi atau mana-mana pepasangan TNB yang ditenggelami air bagi mengelakkan risiko renjatan elektrik.



Tutup semua suis di soket alir keluar dan tanggalkan palam kuasa peralatan elektrik.



Matikan sistem solar PV bagi mengelakkan bekalan elektrik disambung semula ke sistem pendawaian premis.



Pastikan kawasan kering sebelum mematikan suis utama.

**Imbas kod QR untuk muat turun panduan keselamatan banjir.**

## SELEPAS BANJIR






Matikan suis utama sebelum membersihkan alat elektrik atau kerja pendawaian.



Suis dan perkakas elektrik yang terendam perlu diperiksa dahulu oleh kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga.



Jauhi dahan pokok berhampiran talian elektrik. Bekalan elektrik mungkin masih disalurkan. Hubungi TNB untuk tindakan segera.



Jangan guna galah atau tangga diperbuat daripada besi/aluminium berhampiran talian elektrik.



Awasi anak-anak supaya tidak menghampiri tiang dan kabel elektrik yang rosak.

**Hubungi kami sekiranya anda mempunyai sebarang kecemasan, kebimbangan atau masalah berkaitan pemasangan elektrik yang terjejas akibat banjir.**

**TNB CareLine: 15454** **TNB CareLine**

TENAGA NASIONAL
*Better. Brighter.*

Tenaga Nasional Berhad 199001009294 (200866-W)